

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM
[KUBANG PASU]
TARIKH : 20 NOVEMBER 2014
RUJUKAN : 7232

SOALAN:

Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [Kubang Pasu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah bilangan pekerja asing yang didaftarkan dinegara kita pada tahun 2014. Sila sebutkan pecahan mengikut Negara. Apakah pihak kerajaan mempunyai langkah tertentu untuk mengurangkan jumlah pekerja asing sedangkan kita mempunyai ramai belia yang mampu mengambil tempat pekerja asing terutamanya didalam bidang professional.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif sehingga 31 Oktober 2014 adalah seramai 2,066,996 orang. Jumlah ini mewakili pekerja asing yang digaji secara sah dan dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Jumlah ini juga adalah termasuk jumlah PATI yang telah diputihkan dan dikeluarkan PLKS di bawah Program 6P.

Pecahan pekerja asing mengikut 5 negara tertinggi sehingga 31 Oktober 2014 adalah seperti berikut :

1. Indonesia	823,926 orang
2. Nepal	474,495 orang
3. Bangladesh	299,008 orang
4. Myanmar	143,404 orang
5. India	107,528 orang

Langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan jumlah pekerja asing di Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) Pekerja asing hanya dibenarkan untuk mengisi jawatan yang dikategorikan sebagai 3D (*Dirty, Difficult, Dangerous*) sahaja. Jawatan-jawatan ini telah dihadkan

kepada 5 sektor formal iaitu sektor Pembinaan, Perkilangan, Perkhidmatan, Perladangan, Pertanian dan 1 sektor informal iaitu Pembantu Rumah;

- (ii) Kerajaan turut memperkenalkan pelbagai insentif fiskal dan kewangan untuk menggalakkan penggunaan automasi di sektor perkilangan, pertanian, perladangan dan perkhidmatan. Manakala di sektor pembinaan pula *Industrialised Building System (IBS)* digunakan untuk menggalakkan penggunaan jentera dan peralatan;
- (iii) Selain itu, kerajaan melalui Agensi Kawal Selia sektor ekonomi berkenaan kini sedang mempergiatkan program-program memperkasakan kemahiran di kalangan belia-belia tempatan dalam usaha untuk menarik minat warga tempatan untuk mengisi kekosongan jawatan di sektor-sektor yang kini diisi oleh pekerja asing.

Walau bagaimanapun, tanggungjawab untuk memastikan kebergantungan kepada pekerja asing dan peluang kepada warga tempatan tidak terjejas adalah merupakan tanggungjawab bersama. Pihak kerajaan, pihak industri dan masyarakat pada umumnya harus bekerjasama dan saling membantu dalam memastikan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara selari dengan keselamatan dan ketenteraman awam negara ini.